

PESTA KETUPAT DAN LEMANG DI DPP MAS

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 28 September 2010 12:12**Kepada:** UUM - All Staff; UUM All Student

28 SEPTEMBER 2010 / 19 SYAWAL 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PESTA KETUPAT DAN LEMANG DI DPP MAS

Oleh: Nor Azizah Din

UUM ONLINE: Majlis Tertinggi Jawatankuasa Dewan Penginapan Pelajar (DPP) MAS akan menganjurkan pesta Ketupat dan Lemang sempena sambutan Aidil Fitri peringkat DPP pada Jumaat ini.

Urusetia program itu Nurul Nadiyah Abdul Rahim berkata, pelajar dari DPP itu bukan sahaja dapat memeriahkan sambutan Syawal pada tahun ini malah dapat mengeratkan hubungan dengan menyertai beberapa pertandingan dan menyiapkan sajian untuk dinikmati bersama oleh 1200 pelajar DPP itu.

Pada sebelah paginya pelajar diberi peluang untuk menyertai pertandingan mengayam ketupat, membuat rendang, membakar lemang dan memasak kuah kacang di samping beberapa menu lain yang akan disajikan pada sebelah malamnya.

"Kemeriahan pasti akan terasa kerana program ini membabitkan semua kaum termasuk pelajar antarabangsa di kampus ini", katanya.

Bagi menjalinkan hubungan dengan pelajar di DPP lain pihaknya juga menyediakan kupon berharga RM3 untuk dijual kepada mereka yang ingin merasakan menu DPP MAS.

Kemuncak sambutan program hari raya ini akan diadakan pada sebelah malam dengan pakaian raya masing-masing sambil menikmati hidangan.

Mereka yang ingin menyertai pertandingan ini boleh menghubungi pihak urusetia di talian 0149035339 atau 0196341979.

Habis.